

SULIT

PANITIA KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF NEGERI KEDAH

MODUL PENINGKATAN PRESTASI TAHUN 2023

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF

2216/1

Kertas 1

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Sila hantar kertas soalan ini bersama-sama skrip jawapan anda.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka hadapan soalan.

1

Namun, Penghulu Sudin terpaksa juga menyampaikan khabar kepada penduduk kampung bahawa suatu majlis randau bersama wakil rakyat akan diadakan di balai raya Kampung Kuah. Penduduk-penduduk kampung tertanya-tanya akan agenda randau. Tetapi Penghulu Sudin membisu seribu bahasa. Memang begitulah sikap Penghulu Sudin selama menjawat jawatan penghulu di Kampung Kuah. Dia tidak pernah berterus terang kepada penduduk kampung, lebih-lebih lagi kepada Sahat. Walau bagaimanapun, mereka terpaksa akur dan tunduk kepada segala kemahuan dan cadangan Penghulu Sudin yang panas baran.

Jika mereka mempersoalkan atau membantah cadangannya, penduduk dan seluruh anggota keluarga tersebut akan disenaraihitamkan sebagai pembangkang. ...

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas*
karya Mufidah Hanum Yusuf

Nyatakan **dua** perwatakan Penghulu Sudin berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

2

ANNA: Aku tahu sia-sia saja aku duduk lebih lama lagi bersamamu, Zaki. Kau ahli sejarah, mempunyai kesetiaan yang kuat terhadap bangsa dan tanah airmu. Barangkali, mempunyai banyak prasangka terhadap diriku, anak kepada Thomas Carpenter bekas pengurus estet, bangsa Inggeris yang pernah menduduki negerimu. Barangkali waktu inilah aku tahu kita memang tak sesuai. Aku tak akan minta maaf padamu, Zaki... .

ZAKI: Memang, aku sayangkan bangsa dan negaraku, Anna. Tetapi ini tak menegahku daripada bersikap rasional. Bangsa dan negaraku yang muda ini sedang berjuang mengisi kemerdekaan kami walaupun Inggeris banyak meninggalkan parut-parut luka, tapi memang banyak juga contoh yang kami dapat daripada Inggeris, disiplin yang baik, misalnya... .

Dipetik daripada drama *Anna*
karya Kemala

Nyatakan **dua** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
KMK Kedah 2023

3

Walaupun beras, tak terbilang ulasnya,
Akan timpas juga, tak tinggal sebiji.

Begitulah tetap akan akibatnya,
Kalau bersifat boros dan habur;
Jimat cermat sahaja akan ubatnya,
Jika tak mahu harta terkubur.

Dipetik daripada puisi tradisional dalam antologi *Nilai Insan*

(a) Nyatakan jenis puisi tersebut. [1 markah]

(b) Berikan **tiga** bentuk puisi tersebut. [3 markah]

4

Di setiap benua, Pak Tua berseloka
kolek bonda lantainya jiwa
kolek bonda dindingnya bangsa
kolek bonda tahan gelora
kolek bonda membelah samudera.

Dipetik daripada sajak *Kolek Bonda*
karya Aminah Mokhtar

Nyatakan **dua** unsur bunyi berserta contoh yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

5

Hatta tiada berapa lamanya maka naga itu pun mangkinlah besar tiadalah boleh berendam di sungai itu. Maka ada pada suatu malam maka naga itu pun berfikir di dalam hatinya, "Baiklah aku lari pada malam ini, supaya jangan diketahui oleh budak itu." Setelah sudah ia berfikir itu maka naga itu pun berjalanlah pada tengah malam itu menuju Tasik Hijau tempat tinggal datuknya.

Telah hari siang maka budak miskin itu pun terkejut daripada tidurnya itu lalu ia bangun, maka dilihatnya naganya itu sudah tiada. Maka ia pun berdebar rasa hatinya lalu segera ia turun dari rumahnya itu. Maka diturutnya bekas naga itu serta dengan anak helang dan anak tikus itu pun bersama-sama dengan budak itu berjalan mengikut bekas naga itu lalulah ke tengah rimba yang besar. Maka budak itu pun berjumpalah dengan buah-buahan terlalulah banyaknya di tengah rimba itu. Maka ia pun pergilah makan buah itu bersama-sama dengan anak helang dan anak tikus.

Dipetik daripada Sastera Hikayat, *Budak Miskin Mendapat Cincin Hikmat*

Berikan **dua** ciri sastera hikayat berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

6

Kata bukit kepada jentolak:

Barangkali kau tidak pernah tahu
bukit ini pernah hingar dengan dentuman peluru
di sini, sejarah pernah mencatat sengketa
kuasa melapah rasa kasih dua saudara
hari ini kau datang dengan hingar deruman
mahu kau kuburkan sejarah itu?

Kata jentolak kepada bukit:

Memang aku tidak tahu
malah tak ingin ambil tahu
aku menderum kerana wang!

Dipetik daripada sajak *Kata Bukit kepada Jentolak*
Karya Mohd Faizal Said

Nyatakan **dua** gaya bahasa pengulangan berserta contoh yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

7

Mereka terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur. Mereka dapati darah merah berhamburan di lantai. Guru itu terjelepok di suatu sudut, mungkin pengsan. Jari-jemari kirinya sedang memegang jari hantunya yang putus, seolah-olah dia memegang kapur tulis, dengan bahagian yang putus itu masih menyentuh permukaan dinding bawah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

8

Orang berbudi kita berbahasa,
Orang memberi kita merasa.

Tak tumbuh tak melata,
Tak sungguh orang tak kata.

Dipetik daripada puisi tradisional dalam antologi *Nilai Insan*

Berikan **satu** pandangan terhadap persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi tersebut. [4 markah]

9

Titah Sang Nata, “Hai adinda, janganlah adinda berkata demikian! Sudahlah dengan dengan kuasa Dewata Mulia Raya anakanda kita berkahwin dengan Ken Tambohan itu. Janganlah adinda terlalu murka kepada Raden Menteri itu. Nanti hiba hatinya dan lari ia kelak. Biarlah ia duduk di istana Ken Tambohan itu.”

“Adapun Ken Tambohan itu, sungguhpun orang tawanan, tetapi anak raja juga. Lagi pun parasnya gilang-gemilang dan patut sungguh menjadi isteri anakanda Menteri.”

Dipetik daripada Sastera Panji,
Perkahwinan Raden Menteri Diketahui oleh Ayahanda dan Bondanya

Berikan **satu** keperibadian unggul Sang Nata berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

10

MAT PIAH: Kenal. Kenal. Francis Light yang buka dan teroka Pulau Pinang ni pada tahun 1786. Apa macam sejarah saya? Saya sekolah sampai darjah enam saja. Boleh hafal tarikh pembukaan Pulau Pinang pun dah kira geliga. (*Sengih*).

BLACKWAY: Saya mahu membuat pengakuan di sini, di hadapan awak. Bersaksikan bulan sabit dan bintang pecah lapan.

MAT PIAH: Bintang pecah lapan tak apa, tuan. Jangan Bintang Tiga. Yang tu komunis punya. Bahaya. Kena jaga-jaga. (*Tersengih lagi dengan muka naif*).

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

Nyatakan **satu** unsur patriotisme berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

BAHAGIAN B

[60 markah]

Pilih dan jawab tiga soalan sahaja.

11 Berdasarkan cerpen *Kami Akan Mati, Lin* karya Seroja Theavy Balakrishnan:

Lin, betulkah kau sayang akan kami? Sekiranya engkau terlupa, biarlah aku mengingatkanmu. Dulu pernah kau puji kami sebagai sebuah hutan tropika yang membantu menyedut karbon dan gas-gas berbahaya akibat kesan rumah hijau serta penipisan ozon. Katamu, kami hebat kerana ubat AZT untuk pesakit HIV juga diambil daripada tubuh kami, warga batu karang. Katamu, kami antara ciptaan Tuhan yang istimewa kerana dapat hidup menjadi terumbu yang bermanfaat kepada semua warga dunia. Namun, puji-pujian itu nampaknya sudah tidak bermakna Lin, kerana kami akan mati tidak lama lagi. Barangkali jangkaanmu memang benar dan koloni kami terkira dalam empat puluh peratus warga terumbu yang akan mati kerana cara hidup baru kawan-kawanmu itu. Cara hidup yang terlupa akan akar budaya nenek moyangmu yang terlalu menyayangi kami.

Dipetik daripada cerpen *Kami Akan Mati, Lin*
karya Seroja Theavy Balakrishnan

- (a) Nyatakan **dua** teknik plot berserta contoh berdasarkan petikan cerpen tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut. [8 markah]
- (c) Dengan menggunakan kreativiti anda, sambung petikan cerpen tersebut menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjang cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

12 Berdasarkan drama *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain:

(MAT PIAH menyapu mukanya yang berpeluh dengan tuala Good Morning yang lasam yang melingkari lehernya. Dia memakai kemeja T dan seluar jean lusuh. Kasut kanvas yang dipakainya sudah koyak rabak dan kotor. Wajah BLACKWAY jadi sedih semula. Tiba-tiba dia terdengar bunyi tengkingan enjin motosikal sayup-sayup dari jauh. Semakin lama bunyi itu semakin dekat disertai dengan puluhan cahaya lampu motosikal yang menyuluh ke arah BLACKWAY dan MAT PIAH. Mata BLACKWAY menjadi silau. Dia mengadangi pandangannya dengan tangan).

BLACKWAY: Bunyi apa tu? (Cemas lantas dia teringatkan sesuatu. Terus menjerit seperti orang hilang akal).

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

- (a) Nyatakan **empat** keadaan Mat Piah berdasarkan petikan tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam drama tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung dialog petikan drama tersebut menjadi skrip drama yang mengandungi **enam hingga lapan** dialog. [8 markah]

13 Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan, Sasterawan Negara:

Dia teringat semula akan hari-hari hanyut di lautan selama enam puluh hari. Bagaimanakah boleh melupakan penyeksaan yang menyedut isi tubuh dan semangatnya? Tubuhnya tinggal kulit dan rangka waktu ditemui. Sesudah dirawat dan sembuh, tiba-tiba dia memasuki dunia warna-warni di Ogonshoto menjadi terkenal, senang dan kaya, dihormati dan dilindungi. Sekarang, sambil terbaring, dia tidak menyesali betapa pendeknya zaman indah itu, tetapi menyesali betapa palsu dunia warna-warni Ogonshoto yang dikenali itu. Dia hanyut selama enam puluh hari di samudera ganas, hilang hampir semua isi tubuhnya. Di Ogonshoto, dia menyertai permainan aneh itu hanya beberapa jam, sekarang telah kehilangan kedua-dua tapak tangan dan lidahnya.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

- (a) Nyatakan sudut pandangan berserta **tiga** contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut. [6 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel di atas supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya sambungan petikan novel hendaklah **antara 100 hingga 120 patah perkataan**. [10 markah]

14 Berdasarkan Sastera Panji, *Ken Tambohan Dibunuh* :

Berkata pula Ken Tambohan, "Wahai paman, sebelum paman membunuh beta, beta hendak berpesan kepada paman. Apabila beta sudah mati, taruhlah mayat beta di dalam rakit dan taburlah bunga cempaka serta bunga angsana di atas mayat beta itu. Kemudian hanyutkanlah rakit yang berisi mayat beta itu di dalam sungai. Jikalau, selepas itu, paman bertemu dengan kakang Raden Menteri, sampaikan sembah beta kepada baginda. Katakan beta meminta beribu-ribu ampun kepada baginda." Pelebaya pun sangguplah menyelenggarakan pesan Ken Tambohan itu. Maka Ken Tambohan mengupahnya dengan seentuk cincin.

Dipetik daripada Sastera Panji, *Ken Tambohan Dibunuh*

- (a) Nyatakan **empat** permintaan Ken Tambohan kepada Pelebaya setelah baginda mati.
[4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** pola fikir Raden Menteri yang terdapat dalam sastera panji tersebut.
[8 markah]
- (c) Huraikan **dua** citra masyarakat yang terdapat dalam sastera panji tersebut.
[8 markah]

15 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Seorang Tua di Kaki Tamadun

Berkali-kali resahnya disengat matahari
yang semakin lebar
di langit peradaban yang tak berpagar.

Cangkul menumpul di tangan
dan kemarau yang bersimpul di kepala
tetap dia turun meredah bendang
sebagai badang nusa
yang tak pernah lekang.

Inilah sawah tradisi
yang semakin dibiaki
onak dan lalang dari belukar seberang
padi kuning yang sedang masak
bersarang tikus oportunistis
yang kian tamak.

Dia petani tua yang berkali-kali
menghafal pesan wasiat betapa
selut sejarah
yang berkematu di tumit usia
adalah sengsara yang membesarkannya
dengan manis dan manusia.

Saat petang bersandar di surau usang
dia perlahan menghitung sebak
pada laung azan semakin retak
juga nafsu Nusantara
yang kian membengkak.

Cita-cita tinggal cuma sepadang lalang
dibelit lidah penjajah yang berpetualang.
Sepetak bendangnya
yang berkurun menyara
kampung leluhur
kini dipijak oleh segunung
kemodenan yang meluluh.

(Upper Ratnines Road, Dublin)
Fadh Razy
Cerita Terpanggil-panggil Penglipur Semakin Melara, 2010
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

SULIT

10

2216/1

- (a) Jelaskan **dua** gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]
- (b) Huraikan **dua** sanjungan terhadap nilai murni dalam sajak tersebut. [8 *markah*]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta sebuah sajak yang bertemakan **cinta akan budaya**.
Panjang sajak tersebut hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 *markah*]

16 Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Gurindam Beberapa Petua Hidup

Orang malas jatuh sengsara,
Orang rajin banyak saudara.

Barang siapa mungkir janji,
Namanya tentu menjadi keji.

Kalau diri kena angkara,
Turutlah susah sanak saudara.

Segala maksiat ada di dunia,
Ikhtiarkan diri menjauhi dia.

Hukuman bagi orang berdosa,
Dengan tiada memandang bangsa.

Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.

Kalau tiada emas di pinggang,
Sanak saudara menjadi renggang.

Ada wang badan tak sihat,
Tidak bernikmat apa dibuat.

Jika diturut kehendak hati,
Kelak boleh menjadi mati.

Kunci hati ialah iman,
Kepada kelakuan jadi pedoman.

Kalung Bunga, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Huraikan tema gurindam tersebut. [4 markah]
(b) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut. [8 markah]
(c) Berdasarkan kreativiti anda, ciptakan **empat** rangkap gurindam yang bertemakan **adab menuntut ilmu**. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT